

Terma dan Syarat

1. Peraduan Jom Menang Duit Raya Dutch Lady akan berlangsung dari 1 Julai 2015 hingga 31 Ogos 2015 (“Tempoh Peraduan”). Dutch Lady Milk Industries Berhad (5063-V) (“Penganjur”) berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik. Peraduan ini akan diadakan selama 8 minggu dan tempoh minggu peraduan adalah seperti berikut (“Minggu Peraduan”):
 - Minggu Peraduan 1: 1 Julai 2015 - 12 Julai 2015
 - Minggu Peraduan 2: 13 Julai 2015 - 19 Julai 2015
 - Minggu Peraduan 3: 20 Julai 2015 - 26 Julai 2015
 - Minggu Peraduan 4: 27 Julai 2015 - 2 Ogos 2015
 - Minggu Peraduan 5: 3 Ogos 2015 - 9 Ogos 2015
 - Minggu Peraduan 6: 10 Ogos 2015 - 16 Ogos 2015
 - Minggu Peraduan 7: 17 Ogos 2015 - 23 Ogos 2015
 - Minggu Peraduan 8: 24 Ogos 2015 - 31 Ogos 2015
2. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada 1 Julai 2015), kecuali kakitangan Penganjur dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka, termasuk syarikat-syarikat gabungan dan/atau berkaitan, pengedar-pengedar, agensi-agensy pengiklanan dan promosi pihak Penganjur.
3. Produk-produk jenama Dutch Lady yang turut serta dalam Peraduan ini adalah Susu UHT Dutch Lady PureFarm (200ml dan 1L), Susu Disteril Dutch Lady PureFarm (225ml, 450ml dan 900ml), Susu UHT Dutch Lady Kid (125ml), Susu UHT Dutch Lady School (200ml) dan Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady Curious, Explore, Create dan Learn (350g, 650g dan 900g) (“Produk jenama Dutch Lady yang turut serta”).
4. Cara penyertaan:
 - a. Beli sebarang Produk jenama Dutch Lady yang turut serta dari kedai-kedai yang mengambil bahagian dalam promosi ini. Setiap lima belas (15) mata yang dikumpulkan daripada pembelian barangan-barangan Produk jenama Dutch Lady yang turut serta melayakkan peserta kepada satu (1) penyertaan. Sebagai contoh, satu (1) pek Susu Tepung Rumusan untuk Kanak-kanak Dutch Lady Curious 900g (20 mata) dan lima (5) pek Susu UHT Dutch Lady PureFarm 200ml (10 mata) memberikan jumlah tiga puluh (30) mata dan melayakkan peserta kepada dua (2) penyertaan. Sila rujuk carta bukti pembelian dalam borang penyertaan untuk maklumat lanjut.
 - b. Jawab satu soalan: “Terdapat wang tunai RM1,000 X 10 setiap hari untuk dimenangi dalam Peraduan ini?”. Betul/Salah.
 - c. Lengkapkan borang penyertaan dan lampirkan kodbar asal yang sepadan sebagai bukti pembelian.
 - d. Hantar borang penyertaan dan kodbar secara pos biasa ke: Peraduan Jom Menang Duit Raya Dutch Lady, Peti Surat 3203, 47507 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

- e. Salinan fotostat borang penyertaan adalah dibenarkan. Anda boleh menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi setiap penyertaan mestilah disertakan dengan kodbar asal yang ditetapkan.
 - f. Bukti kiriman borang penyertaan tidak akan dianggap sebagai bukti penerimaan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas penyertaan yang hilang, lewat atau tersilap alamat.
 - g. Penyertaan-penyertaan yang diterima melalui perkhidmatan kurier, penghantaran ekspres, penghantaran berdaftar dan/atau sebarang kaedah penghantaran yang lain selain daripada yang dinyatakan akan dibatalkan secara automatik.
 - h. Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan peserta secara automatik bagi sebarang penyertaan yang tidak lengkap, sukar dibaca, rosak dan lewat atau penyertaan tanpa kodbar yang betul atau sah.
5. Cara pemilihan pemenang dan Hadiah-hadiah Peraduan:
- a. Hadiah Harian x 620:
 - i. Terdapat enam ratus dua puluh (620) Hadiah Harian untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan, iaitu wang tunai RM1,000.00 setiap satu.
 - ii. Pemenang-pemenang Hadiah Harian akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Minggu Peraduan dan dibahagikan dengan 70.5, sebagai contoh: jika terdapat sebanyak 3,528 penyertaan layak diterima, jumlah ini akan dibahagikan dengan 70.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat yang paling dekat dan yang lebih rendah, iaitu 50. Maka penyertaan layak ke-50, ke-100, ke-150 dan seterusnya akan memenangi Hadiah Harian setiap satu. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan seterusnya yang terdahulu akan layak menjadi pemenang gantian, sebagai contoh: pemenang gantian untuk penyertaan layak ke-50 adalah penyertaan layak ke-49.
 - b. Para pemenang yang layak akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab satu soalan dengan betul sebelum boleh disahkan sebagai pemenang. Sekiranya peserta gagal menjawab soalan dengan betul, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih peserta seterusnya sebagai pemenang. Sekiranya peserta tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya, tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, dan lain-lain, tiga (3) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh 24 jam yang berikutnya selepas cubaan pertama. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, kelayakan peserta akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta-peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.
 - c. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Harian sepanjang Tempoh Peraduan.
 - d. Kesemua hadiah mestilah dituntut oleh pemenang atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pemberitahuan. Semua hadiah yang gagal dituntut dua (2) bulan selepas tarikh pemberitahuan akan dilupuskan oleh pihak Penganjur.
 - e. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakinya, untuk menggantikan hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang lebih kurang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua bentuk lain atas apa jua sebab. Nilai

hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.

6. Para peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan di dalam Peraduan ini.
7. Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
8. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan anda. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan anda. Dengan mengemukakan maklumat peribadi anda, kami menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya anda memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 1-800-88-1191 atau di dutchladycareline@frieslandcampina.com bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan anda. Maklumat anda tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka. Untuk Notis Perlindungan Data Peribadi Pelanggan lengkap pihak Penganjur, sila rujuk laman web pihak Penganjur di www.dutchlady.com.my.
9. Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
10. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan para peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
11. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.